



## SIARAN MEDIA

### PROGRAM FUN RUN BERSEMPENA PAGI TANPA KENDERAAN MPS

Orang ramai dijemput datang bagi memeriahkan *Program Fun Run* bersempena Pagi Tanpa Kenderaan MPS yang akan berlangsung pada 23 Februari 2019, Sabtu bertempat di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang dari jam 7.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Untuk makluman, Kaunter Pendaftaran akan dibuka seawal jam 7.00 pagi dan 600 pendaftaran pertama akan diberikan t-shirt program secara percuma. Selain aktiviti Fun Run, Pelbagai aktiviti lain akan turut diadakan seperti senaman zumba, *push bike*, *roller blade*, *Inflatable playground*, pemeriksaan kesihatan dan lain-lain lagi.

Bersempena program ini juga, MPS akan membuat penutupan jalan secara berperingkat bermula jam 6 pagi hingga 12 tengah hari yang melibatkan separuh jalan sepanjang Persiaran 1 dan Persiaran 3. Penduduk di sekitar kawasan tersebut adalah dinasihatkan untuk mematuhi arahan polis trafik yang bertugas pada hari tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-6126 5865 atau layari [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my).

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

**EN. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.**

Pengarah  
Jabatan Korporat  
b/p Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 21 Februari 2019